

Kandungan

- ١ . ١ قضاء وقت الفراغ
- ٢ . ٢ في العطلة المدرسية
- ٤ . ٣ الأعمال التعاونية
- ٤ . ٤ الأخلاق
- ٥ . ٥ حق الجار
- ٦ . ٦ أدب الكلام في الإسلام
- ٧ . ٧ من شجاعة الرسول ﷺ
- ٨ . ٨ السيدة خديجة رضي الله عنها
- ٩ . ٩ مكانة المرأة في الإسلام
- ١٠ . ١٠ الهجرة
- ١١ . ١١ محمود سامي البارودي : في النصيحة
- ١٢ . ١٢ من معلقة امرئ القيس
- ١٤ . ١٣ كتاب لعلي بن أبي طالب إلى بعض عماله يلومه
- ١٦ . ١٤ الحسن البصري : في صفة الإمام العادل

المطالعة

MUTALAAH TINGKATAN 2

للسنة الثانية

MENGGUNAKAN WAKTU LAPANG

Setiap orang mempunyai waktu untuk bekerja dan waktu untuk berehat. Pelajar pergi ke sekolah dengan gembira setiap hari. Mereka membaca buku, menulis pelajaran, mereka melakukan ujikaji di makmal.

Ketika mereka kembali ke rumah, mereka berusaha melaksanakan kerja rumah dan mengulangkaji serta membuat persediaan untuk hari berikutnya dan begitulah seterusnya. Mereka menghabiskan hari-hari persekolahan dalam keadaan letih berpanjangan.

Pada cuti hujung minggu, pelajar mahu berehat dari kepenatan belajar seminggu. Ada yang pergi ke kelab sukan untuk bertemu kawan-kawan dan bermain bersama mereka.

Ada yang memilih untuk duduk di rumah dan melakukan hobi yang disukainya seperti membaca cerpen/novel, melukis, mengumpul setem, menulis surat atau mendengar lagu.

Ada yang keluar bersama gurunya atau sekumpulan sahabatnya melawat tempat yang dekat atau jauh.

Ada yang menemani keluarganya untuk menziarahi kaum kerabat san kawan-kawan. Pada musim cuti yang panjang, di sana ada yang memilih aktiviti melancong untuk melihat negara baru dan bergaul dengan penduduknya serta melihat kemajuan dan perjalanan hidup mereka.

Perkataan sinonim:

[التجارب] Ujikaji

[المعمل] Makmal sains

[يصحب] Menemani

[حضارتهم]Kemajuan

[طريقة]Cara

قضاء وقت الفراغ

الدرس الأول

لكل الناس وقت للعمل ووقت للراحة. فالطلاب يذهبون إلى مدرستهم في سعادة كل يوم، يقرأون الكتب، ويكتبون الدروس، ويعملون في المعمل. وعندما يعودون إلى بيوتهم يجتهدون في أداء الواجب، ويستذكرون ويستعدون لليوم التالي وهكذا. فهم يقضون أيام الدراسة في تعب مستمر. وفي الإجازة الأسبوعية يحاول الطلاب أن يستريحوا من تعب الأسبوع. فهذا يذهب إلى النادي الرياضي ليقابل أصدقاءه ويلعب معهم. وآخر يفضل الجلوس في البيت وممارسة إحدى الهوايات التي يحبها، مثل: قراءة القصص أو الرسم أو جمع الطوابع أو المراسلة أو سماع الأناشيد. وثالث يخرج مع مدرسه أو مجموعة من أصحابه إلى رحلة في مكان قريب أو بعيد. ومن الطلاب من يصحب أسرته لزيارة الأقارب والأصدقاء. وفي الإجازة الطويلة هناك من يفضلون السفر لمشاهدة بلاد جديد ومقابلة أهلها والاطلاع على حضارتهم وطريقة حياتهم.

المفردات :

التجارب : الاختبارات

المعمل : مختبر العلوم

يصحب : يرافق

حضارتهم : تقدمهم

طريقة : وسيلة

MUSIM CUTI SEKOLAH

Pada musim cuti sekolah, kebiasaan pelajar akan berada bersama keluarga. Mereka membantu ibubapa bekerja. Sebahagian lain merancang perjalanan ke beberapa negara untuk menambahkan pengetahuan dan pengalaman.

Muhammad membantu ayahnya membasuh kereta dan membersihkan halaman rumah. Di waktu petang Muhammad menggunakan computer untuk mendapatkan maklumat baru yang ada di dunia ini dan untuk menyediakan tugas sekolah, menulis dan melukis gambar dan lain-lain.

Khadijah membantu ibunya menyusun perabut rumah, menghias ruang tamu dengan bunga-bunga yang berwarna-warni. Dia mengambil berat dengan kebersihan rumah dan kecantikannya. Dia juga memahami bahawa kebersihan itu penting dalam kehidupan.

Semasa cuti, Muhammad dan adiknya tidak lupa pelajaran mereka. Kedua-duanya sentiasa membaca dan mengulangkaji buku kerana mereka berdua tahu bahawa peperiksaan hampir tiba.

Perkataan sinonim:

[أسرهم] Keluarga mereka:

[خبرة] Pengalaman

[للحصول] Untuk mendapat

[ساحة] Halaman

[قريب] Hampir

في العطلة المدرسية

الدرس الثاني

في أيام العطلة المدرسية يعيش الطلاب غالبا مع أسرهم، فيساعد آباءهم في العمل، وبعضهم يقومون بالرحلات إلى بعض البلاد ليزدادوا ثقافة وخبرة.

أما محمد فيساعد أباه في غسل السيارة وتنظيف ساحة البيت. وفي المساء يستعمل الكمبيوتر للحصول على المعلومات الجديدة في العالم ولاعداد الواجبات المدرسية وكتابة الرسومات ورسم الصور وغيرها.

وخديجة تساعد أمها في ترتيب أثاث البيت وتزيين غرفة الجلوس بالزهريّة والزهريّة الملونة، وهي تهتم بنظافة البيت وجماله، وهي تفهم أن النظافة مهمة في الحياة.

وفي أثناء العطلة لا ينسى كل من محمد وأخته الدروس المدرسية، فهما يقرآن ويطالعان كتبهما دائما لأنهما يعلمان أن الامتحان آت قريب.

المفردات:

أسرهم : هائلاتهم

خبرة : تجربة

للحصول : للإدراك

ساحة : فناء

قريب : دان

AKTIVITI GOTONG ROYONG

Persatuan ibubapa dan guru sekolah maahad Muhammadi Kota Bharu Kelantan darul naim telah mengadakan program aktiviti gotong royong pada pagi Jumaat yang lalu.

Ibubapa, guru dan pelajar hadir di awal pagi ke padang sekolah. Pengetua mengalu-alukan kedatangan semua dan berterima kasih di atas sambutan yang baik ini. Kemudian semuanya memulakan kerja dalam kumpulan.

Kumpulan bapa memotong kayu-kayu di halaman sekolah, sebahagian pelajar membersihkan kelas, membersihkan bilik air dan mengalirkan air di parit dan saluran air. Kumpulan guru lelaki menyapu daun-daun dan kotoran di sekitar kantin dan sebahagian lain mengecat dinding. Kumpulan ibu dan guru perempuan membahagikan bunga-bunga dan sebahagian mereka menanam keratan batang pokok (yang disemai) sekitar penjuru sekolah.

Selepas makan sedikit makan dan minuman yang menghilangkan dahaga mereka semua mula bersedia untuk solat jumaat.

Perkataan sinonim:

[الأوساخ] Kotoran

[كفي] Membersih

[غرست] Menanam

[تناول] Makan

[المنعشة] Menyegarkan

الأعمال التعاونية

الدرس الثالث

أقام مجلس الآباء والمعلمين بمدرسة المعهد المحمدي في كوتا بهارو بولاية كلنتان دار النعيم مشروع الأعمال التعاونية صباح الجمعة الماضي.

حضر الآباء والمعلمون والطلاب مبكرين إلى فناء المدرسة. فرحب بهم المدير وشكرهم على هذا الاقبال الرائع. ثم بدأوا العمل في جماعات.

قطع الآباء الأعشاب في ساحة المدرسة، ونظف بعض الطلاب الفصول، وغسل البعض الآخرون دورات المياه، وصرف البعض الآخرون المياه في البالوعات والمجاري، وكنس جماعة المعلمين الأوراق والأوساخ حول المطعم. وقام بعضهم بطلاء الجدران، ووزعت الأمهات والمعلمات الأزهار وغرست بعضهم الفسائل حول زوايا المدرسة.

وبعد تناول بعض المرطبات والمشروبات المنعشة استعدوا لصلاة الجمعة.

المفردات:

الأوساخ : الأقدار

كفي : نظف

غرست : زرعت

تناول : أكل

المنعشة : المنشطة

Akhlak

Akhlak adalah kata jamak bagi khuluk. Ia adalah satu perkataan yang menunjukkan kumpulan sifat rohani atau perbuatan manusia yang disifatkan dengan sifat baik atau buruk. Islam cukup mengambil berat perkara ini.

Nabi s.a.w dibangkitkan adalah untuk menyempurnakan akhlak dan nabi s.a.w sebaik-baik manusia dari sudut akhlnaknya.

Risalah langit (agama Allah) mengajak kepada akhlak (mulia) sebagaimana semua nabi dan rasul menyeru kepada perkara tersebut. Mereka menyuruh perkara kebaikan dan mencegah kemungkaran kejahatan dan perkara yang menyakiti.

Allah memuji nabi s.a.w di dalam al Quran melalui firmanNya: "Sesungguhnya engkau (wahai Muhammad) mempunyai akhlak yang terpuji". Sabda nabi s.a.w: "Sesungguhnya aku diutuskan untuk menyempurnakan akhlak yang mulia".

Beriman dengan Allah yang maha esa, salah satu asas dan suber akhlak yang mulia. Sabda nabi s.a.w: "Sesiapa yang beriman dengan Allah dan hari akhirat maka janganlah is menyakiti jirannya".

Allah meredhai orang mukmin apabila baik akhlnaknya dan matlamat hidupnya adalah mencari keredhaan Allah serta bersifat dengan akhlak yang mulia dan terpuji seperti dermawan, ihsan dan belas kasihan.

Perkataan sinonim:

[اهتم] Mengambil berat

[المعروف] Setiap perbuatan yang baik

[شر] Keburukan

[أتم] Sempurnakan

[هدفه] Tujuannya

الأخلاق

الدرس الرابع

الأخلاق جمع خلق، وهي كلمة تدل على مجموعة صفات نفسية وأعمال الإنسان التي توصف بالحسن أو القبيح. ولقد اهتم بها الإسلام اهتماما كبيرا.

وبعثة النبي ﷺ كانت لإتمام مكارم الأخلاق، وكان ﷺ أحسن الناس خلقا. دعت الرسالات السماوية إلى الأخلاق كما دعا جميع الرسل والأنبياء إليها، وأمروا بالمعروف ونهوا عن المنكر من شر وأذى.

ومدح الله نبيه ﷺ في القرآن العظيم بقوله: إنك لعلي خلق عظيم. وقال رسول الله ﷺ: إنما بعثت لأتمم مكارم الأخلاق.

والإيمان بالله الواحد الأحد أساس ومصدر للأخلاق الفاضلة، قال رسول الله صلى الله عليه وسلم: "من كان يؤمن بالله واليوم الآخر فلا يؤذ جاره".

ويرضى الله عن المؤمن إذا حسنت أخلاقه، وكان هدفه في هذه الحياة رضى الله، واتصافا بالأخلاق الحسنة والصفات الحميدة مثل الكرم، والإحسان والرحمة.

المفردات:

اهتم : عنى

المعروف : كل فعل حسن

شر : سوء

أتمم : أكمل

هدفه : غرضه

HAK JIRAN

Islam telah menetapkan hak jiran dan menyuruh menjaganya sebagaimana sabda nabi s.a.w: “Barang siapa yang beriman dengan Allah dan hari akhirat maka hendaklah ia memuliakan jirannya”.

Rasulullah s.a.w mempunyai seorang jiran Yahudi yang buruk layanannya kepada baginda. Dia meletakkan longgokan sampah di jalan laluan Rasulullah s.a.w.

Pada suatu hari Rasulullah s.a.w keluar tetapi tidak menemui longgokan sampah di tengah jalan. Rasulullah s.a.w ingin mengetahui keadaan jirannya lalu baginda pergi menziarahinya dan mendapatinya sakit dan mendoakannya agar sembuh.

Orang Yahudi itu merasa terkejut dengan layanan Rasulullah s.a.w terhadapnya, kejahatannya dibalas dengan kebaikan. Yahudi itu berkata: “Benar sekali ini adalah akhlak nabi”.

Yahudi itu memeluk Islam dan mengucapkan: “Aku bersaksi bahawa tidak ada tuhan yang disembah kecuali Allah dan Muhammad itu pesuruh Allah”. Iman telah masuk ke hatinya dan menjadi golongan orang yang beriman.

Perkataan sinonim:

[أقر] Mengakui

[معاملة] Pergaulan

[الأذى] Perkara yang menyusahkan

[زيارة] Melawat

[جماعة] Kumpulan

حق الجار

الدرس الخامس

أقر الإسلام حق الجار وأوصى به حيث أنه ﷺ قال: "من كان يؤمن بالله واليوم الآخر فليكرم جاره".

وقد كان للرسول ﷺ جار يهودي سيء في معاملته للرسول ﷺ، وكان يوضع الأذى في طريق النبي ﷺ.

وذات يوم خرج الرسول ﷺ فلم يجد الأذى. أراد الرسول ﷺ أن يطمئن على جاره، وذهب ﷺ لزيارته فوجده مريضا، فدعا له بالشفاء.

دهش اليهودي من معاملة الرسول ﷺ له ومقابلة السيئة بالحسنة. قال اليهودي: حقا هذا خلق النبي.

أسلم اليهودي وقال: أشهد أن لا إله إلا الله وأن محمدا رسول الله. ودخل الإيمان قلبه وصار من جماعة المسلمين.

المفردات:

أقر : اعترف

معاملة : معايشة

الأذى : الضرر

زيارة : عيادة

جماعة : طائفة

ADAB BERCAKAP DALAM ISLAM

Islam adalah agama (yang memupuk) akhlak mulia. Allah s.w.t telah memuji Rasulullah s.a.w dengan firmanNya : “Sesungguhnya engkau (wahai Muhammad) mempunyai akhlak yang mulia”.

Antara akhlak yang baik ialah seseorang muslim beradab dengan orang lain dalam perbualan dan pertuturannya. Allah s.w.t berfirman : “Serulah ke jalan tuhanmu dengan cara berhikmah dan nasihat yang baik serta berdebatlah dengan mereka dengan cara yang baik”. Seorang muslim tidak boleh menuduh saudara seagamanya dengan tanpa bukti (yang jelas).

Juga tidak boleh menuduhnya kufur atau murtad secara samar, tidak boleh bercakap dengan kata-kata buruk dan jijik (mencarut) kerana Rasulullah s.a.w bersabda : “Bukanlah seorang mukmin itu suka mencela, suka mengeji, bercakap buruk dan mencarut”.

Islam juga menegah dari bersangka (buruk). Firman Allah s.w.t:”Wahai orang-orang yang beriman jauhilah dari banyak membuat sangkaan kerana sesungguhnya sebahagian sangkaan itu adalah dosa. Nabi s.a.w bersabda: “Berhati-hatilah kamu daripada bersangka (buruk), sesungguhnya sangkaan itu seburuk-buruk percakapan”.

Apabila seorang muslim berdebat dengan yang lain, maka perdebatan itu hendaklah berasaskan dasar-dasar Islam. Firman Allah s.w.t : sekiranya engkau (wahai Muhammad) bercakap kasar dan kasar hati, nescaya orang yang berada di sekelilingmu akan lari”.

Sesungguhnya petunjuk nabi ini perlu diikuti oleh semua orang Islam supaya ia menjadi pegangan yang menjadi panduan mereka. Firman Allah s.w.t : “Katakanlah (wahai Muhammad), ini adalah jalanku, aku berdakwah kepada (agama) Allah dengan cara yang jelas samada aku dan pengikut-pengikutku”.

Dengan demikian sikap saling mempercayai di kalangan umat Islam akan berkembang dan tujuan percakapan seseorang muslim itu akan sampai kepada maksudnya yang sebenar.

Perkataan sinonim:

[الموعظة] Nasihat

[دليل] Bukti

[الردة] Kembali kepada kufur setelah Islam

[البديء] Yang keji

[مبادئ الإسلام] Asas Islam

الدرس السادس

أدب الكلام في الإسلام

الإسلام دين الأخلاق الفاضلة، وقد مدح الله سبحانه وتعالى الرسول ﷺ بقوله :
وإنك لعلی خلق عظیم.

ومن الأخلاق الحسنة أن يتأدب المسلم مع الآخرين في حواره وكلامه، قال الله تعالى : "ادع إلى سبيل ربك بالحكمة والموعظة الحسنة وجادلهم بالتي هي أحسن". ولا يجوز للمسلم أن يتهم أخاه المسلم دون دليل.

ولا يصفه بالشرك أو الردة بشبهة، ولا ينطق كلاما فاحشا بذمنا لقوله صلى الله عليه وسلم : "ليس المؤمن بالطعان ولا اللعان ولا الفحش البذيء".

كما نهى الإسلام عن الظن، فقال تعالى : "يا أيها الذين آمنوا اجتنبوا كثيرا من الظن إن بعض الظن إثم". وقال ﷺ : "إياكم والظن فإن الظن أكذب الحديث".

وإذا جادل مسلم آخر فليكن ذلك على مبادئ الإسلام، قال تعالى : "ولو كنت فظا غليظ القلب لانفضوا من حولك".

إن هذا الهدى النبوي يجب أن يلتزم به المسلمون ليكون ميثاقا يسيرون عليه، قال تعالى : "قل هذه سبيلي أدعو إلى الله على بصيرة أنا ومن اتبعي".

وبذلك تنمو الثقة بين المسلمين، ويكون غرض المسلم من كلامه الوصول إلى الحقيقة.

المفردات:

الموعظة : النصيحة

دليل : برهان

الردة : الرجوع إلى الكفر بعد الإسلام

البديء : الفاحشة

مبادئ الإسلام : أسسه

Keberanian Rasulullah s.a.w

Selepas pembukaan kota Mekah, nabi s.a.w bergerak bersama para sahabatnya ke Bandar Taif untuk memerangi golongan musyrikin dari dua kabilah Hawazin dan Thaqif.

Orang islam merasa kagum dengan bilangan mereka yang begitu ramai dan mereka menyangka mereka akan menang dengantentera yang ramai ini. Firman Allah s.w.t: “Pada hari peperangan Hunain ketika kamu merasa kagum dengan ramai bilangan kamu”.

Tiba-tiba tentera musuh muncul secara tiba-tiba dan menyebabkan tentera Islam berpecah belah dan mula melarikan diri tetapi Rasulullah s.a.w tidak berganjak di hadapan musuh sambil berkata: “Aku adalah nabi tidak pernah bohong # aku anak (cucu) Abdul Muttalib”.

Tentera islam kembali bersama Rasulullah s.a.w dan Allah menurunkan ketenangan kepada mereka dan mereka berperang dengan sengit sehingga mendapat kemenangan. Firman Allah s.w.t : “Kemudian Allah menurunkan ketenangan kepada rasulNya dan orang-orang mukmin”.

Perkataan sinonim:

[شجاعة] Keberanian

[القلب] Hati

[قبيلة] Kaum

[النصر] Kemenangan

[العدو] Musuh

من شجاعة الرسول ﷺ

الدرس السابع

بعد فتح مكة سار النبي ﷺ وصحابته إلى مدينة الطائف لقتل المشركين من قبيلتين هوازن وثقيف.

أعجب المسلمون بكثرة عددهم وظنوا أن النصر بهذه الكثرة، قال تعالى : ويوم حنين إذا أعجبتكم كثرتهم.

ظهر العدو فجأة فتفرق المسلمون وبدأوا يفرون ولكن الرسول ﷺ وقف ثابت القلب أمام العدو قائلاً : أنا النبي لا كذب ** أنا ابن عبد المطلب

فعاد المسلمون إلى الرسول ﷺ وأنزل الله سكينته عليهم فقاتلوا قتالا شديدا حتى النصر.

قال تعالى : ثم أنزل الله سكينته على رسوله وعلى المؤمنين.

المفردات:

شجاعة : جرأة

القلب : الفؤاد

قبيلة : قوم

النصر : الفوز

العدو : الخصم

SAYYIDATINA KHADIJAH R.HA

Beliau ialah ummu mukminin Khadijah binti Khuwailid, isteri pertama Rasulullah s.a.w, sebaik-baik wanita Quraisy dari sudut keturunan dan kekayaan. Beliau seorang ahli perniagaan, keutamaan beliau difokuskan untuk mengembangkan kekayaannya dengan mengupah seseorang untuk menguruskan urusan perniagaannya. Pada suatu hari Abu Tolib menawarkan kepadanya supaya mengupah Muhammad s.a.w yang ketika itu berusia 25 tahun. Beliau bersetuju (dengan tawaran Abu Tolib itu) dan perniagaannya mendapat keuntungan yang besar kerana sifat amanah Muhammad dan tindakannya yang baik dan kemudiannya beliau memilih Muhammad sebagai suaminya.

Sayyidatina Khadijah wanita pertama yang beriman dengan nabi s.a.w, beliau membantu dan meringankan penderitaannya serta mempertahankannya daripada disakiti musuh, beliau memberikan hartanya untuk digunakan dalam dakwah islam, sehingga baginda pernah menyebut: "Beliau beriman padaku ketika orang lain kufur, membenarkan aku ketika orang lain mendustakan aku, memberikan hartanya ketika orang lain menghalang bantuan kepadaku".

Antara layanan baiknya kepada nabi s.a.w, beliau menyediakan bekalan kepada baginda ketika beribadat di gua Hira'. Apabila bekalan itu habis beliau menyediakan bekalan dan menyuruh seseorang membawanya kepada baginda sehinggalah turun wahyu kenabiannya. Ketika nabi pulang dalam keadaan gementar hatinya selepas turunnya wahyu, beliau menenangkannya dan berkata kepada baginda: "Gembiralah, demi Allah kamu tidak akan sekali-kali dikecewakan Allah, kamu menghubungkan silaturrahim, bercakap benar, menunaikan amanah dan memuliakan tetamu".

Khadijah r.ha meninggal dunia 3 tahun sebelum hijrah. Rasulullah begitu sedih dengan kematiannya sehingga Allah mengembirakan baginda dengan peristiwa isra' dan mi'raj.

Perkataan sinonim:

[Kemuliaan] **حسبا**

[Kesakitan] **آلامه**

[Kehabisan] **نفد**

[Selepas] **إثر**

[Hina] **يخزي**

السيدة خديجة

الدرس الثامن

هي أم المؤمنين خديجة بنت خويلد أولى زوجات الرسول (ص) - ومن أفضل نساء قريش حسبا ومالا, وكانت امرأة اقتصادية تصرف عنايتها في تنمية ثروتها باستئجار الرجال للقيام بشؤون تجارتها, فعرض عليها أبو طالب يوما أن تستأجر مُجداً (ص) عندما كان في الخامس والعشرين من عمره, ووافقت وريحت أموالاً كثيرة لأمانته وحسن معاملته, واختارته زوجاً.

كانت السيدة خديجة أول من آمن من النساء بالنبي (ص) - وكانت توأسيه وتحفف آلامه وتدفع عنه أذى أعدائه وتمد له بمالها ليتفرغ للدعوة الإسلامية حتى قال عنها الرسول: " آمنت بي إذ كفر الناس, وصدقتني إذ كذبني الناس, وواستني بمالها إذ حرمني الناس "

ومن حسن معاملتها للنبي (ص) - أنها تعد له الزاد حينما كان يتعبد في غار حراء, فإذا نفذ جهزت له غيره حتى نزل عليه الوحي بنبوته, فلما عاد إليها مضطرباً إثر نزول الوحي طمأنته نفسه وقالت له: أبشر, فوالله لا يخزيك الله أبداً, إنك لتصل الرحم وتصدق الحديث وتؤدي الأمانة وتقري الضيف.

توفيت ﷺ قبل الهجرة بثلاث سنوات, فحزن الرسول بموتها حزناً شديداً حتى واساه الله بمحادث الإسراء والمعراج.

المفردات:

آلامه : جمع ألم وهو وجع

حسبا : شرفاً وكرماً

إثر : بعد

نفد : فقد

يخزي : يهين ويدل

KEDUDUKAN WANITA DALAM ISLAM

Golongan yahudi berkata: “Wanita adalah punca kesengsaraan manusia, dialah yang mengeluarkan Adam a.s dari syurga”. Bagi mereka perempuan tidak boleh mewarisi harta apabila ada abangnya. Golongan kristian mengambil idea ini dari yahudi, mereka menghina wanita dan menjadikan kedudukannya lebih rendah dari lelaki.

Islam datang dan menjadikan persamaan antara lelaki dan wanita dari sudut kemanusiaan dan balasan.

Wanita dizalimi di zaman jahiliah, ianya dimiliki oleh lelaki seperti barangan yang lain. Islam menghilangkan kezaliman ini. Golongan jahiliah membunuh anak-anak perempuan, firman Allah s.w.t: “Dan apabila kanak-kanak perempuan yang dibunuh itu ditanya : “Kenapa ianya dibunuh?”. Islam member kepada wanita hak memiliki sesuatu. Nabi s.a.w memerintahkan supaya tidak menzalimi wanita dengan memberikan layanan yang baik kepadanya. Sabda nabi s.a.w: “sebaik-baik kamu ialah orang yang berbuat baik kepada keluarganya (isteri dan anak-anak). Aku adalah sebaik-baik orang yang berbuat baik kepada keluarga

Islam telah menentukan hak suami dan isteri. Antara hak suami yang wajib dilaksanakan oleh isteri ialah mentaatinya dan antara hak isteri pula ialah suami perlu melayani isterinya dengan baik kerana ianya adalah amanah ke atas suami.

Perkataan sinonim:

[احتقروا] Mereka menghina

[مكانة] Kedudukan

[المساواة] Adil

[] Merendah diri

[حدد] Menentukan

مكانة المرأة في الإسلام

الدرس التاسع

يقول اليهود : المرأة سبب شقاء الإنسان، فهي أخرجت آدم من الجنة، والمرأة عندهم لا ترث إذا كان لها أخ أكبر. اخذ النصارى هذه الفكرة عن اليهود، فاحتقروا النساء، وجعلوا مكانتهن أقل من مكانة الرجال.

جاء الإسلام فجعل المساواة كاملة بين الرجال والنساء في الإنسانية وفي الجزاء.

كانت المرأة مظلومة في الجاهلية يملكها الرجل مثل متاعه فرفع عنها الإسلام الظلم، وكانوا يقتلون البنات، قال تعالى: وإذا المؤودة سئلت بأي ذنب قتلت. وأعطاه الإسلام حق التملك، وأمر النبي ﷺ بعدم ظلم المرأة بمعاملة لها معاملة حسنة، فقال: خيركم لأهله وأنا خيركم لأهلي. وحدد الإسلام حقوق الزوج والزوجة، فمن حقوق الزوج على زوجته الطاعة، ومن حقوقها عليه معاملتها بالمعروف وهي أمانة عنده.

المفردات:

احتقروا : أهانوا

مكانة : منزلة

المساواة : العدل

حدد : عيّن

HIJRAH

Hijrah pada jalan Allah adalah satu cara berdakwah kepada Allah. Rasulullah telah berhijrah secara sembunyi, ditemani sahabatnya yang mulia iaitu Abu Bakar r.a. terdapat banyak riwayat yang menyebut dalil yang jelas bahawa hijrah di jalan Allah merupakan pengorbanan yang besar, ianya dilakukan oleh orang Islam untuk agama mereka.

Orang Islam telah meninggalkan harta dan tanah air mereka di jalan Allah, mereka memutuskan untuk menjalani kehidupan yang baru menepati syariat Allah dan dasar-dasar agama mereka.

Apabila kita membelek lebaran sejarah rasulullah, kita dapati ia merupakan symbol pengorbanan. Rasulullah s.a.w berhijrah ke Madinah untuk mencari perlindungan yang sesuai untuk dirinya dan sahabatnya setelah penduduk Mekan mendustakannya. Di Madinah orang mukmin merasa aman bersama agama mereka. Lalu Rasulullah s.a.w membiina Negara Islam pertama (di sana) berasaskan ketakwaan pada Allah dan memerintah dengan syariat Allah. Hijrah dapat membezakan orang Islam dengan orang kafir. Setiap kumpulan mempunyai Negara sendiri sehinggalah orang islam membuka Mekah. Semenanjung tanah Arab kemudiannya berada di bawah pemerintahan Islam.

Perkataan sinonim:

[الهجرة] Perpindahan

[طريق] Jalan

[أدلة] Bukti/dalil

[رمز] Symbol

[مستقلة] Bebas.

الهجرة

الدرس العاشر

الهجرة في سبيل الله طريق من طرق الدعوة إلى الله، وقد هاجر الرسول ﷺ بسرية تامة، ورافقه صحابي جليل هو ابو بكر الصديق ﷺ، وقد جاءت الروايات الكثيرة التي تقدم أدلة واضحة على أن الهجرة في سبيل الله تضحية كبيرة، قدمها المسلمون في سبيل دينهم. لقد هجر المسلمون ما لهم ووطنهم في سبيل الله، وقرروا أن يعيشوا حياة جديدة وفق شريعة الله، وعلى مبادئ دينهم.

إننا إذا تصفحنا سيرة رسولنا العظيم وجدنا رمزا للتضحية و الفداء. هاجر الرسول ﷺ إلى المدينة ليجد المأوى المناسب له ولصحابته بعد أن كذبه أهل مكة. وفي تلك المدينة اطمأن المؤمنون على دينهم، وأنشأ الرسول ﷺ دولة الإسلام الأولى على أساس من تقوى الله، وحكم يشرع الله. وبالهجرة تميز المسلمون عن الكفار، وأصبح لكل فئة منهم دولة مستقلة حتى فتح المسلمون مكة، وأصبحت جزيرة العرب كلها تحت حكم المسلمين.

المفردات:

الهجرة : الانتقال

طريق : سبيل

أدلة : براهين

رمز : شعار

مستقلة : حرة

Nasihat Mahmud Sami al Barudi

Sesiapa yang bertemankan sifat lemah ia tidak akan memperolehi apa yang dicari # tunggallah kuda keazaman yang mengatasi kepantasan cahaya

Tidak akan dapat dicapai kemuliaan kecuali orang yang apabila ia dipanggil perasaan # dirinya bermaruah, bergoncanglah lembing dan berdiri tegak

Ia akan memandan mudah segala kesulitan jika kemarahannya memuncak # tidak akan berunding kecuali dengan pedang jika ia marah

Pedang yang tajam mencabut kematian, pertuturannya # umpama sihir yang dibenarkan ketika tidak berperang atau berbicara.

Biodata penyair:

Beliau dilahir pada tahun 1256 H. belajar di akademik tentera, menjawt perbagai jawtan dalam tentera sehinggalah beliau dilantik sebagai ketu nazir sebelum tercetus revolusi Arab. Beliau dibung negeri selepas itu ke sri langka dan kemudiannya kembali semula ke Mesir. Beliau meninggal dunia di Mesir pada tahun 1334 H. syairnya terlalu banyak dan hebat menyamai syair tokoh-tokoh penyair terdahulu.

Perkataan sinonim:

[الطرف] Kuda yang baik

[الشهب] Pucuk api yang membakar

Sesiapa yang bergantung kepada kelemahan tidak akan memperolehi apa yang dicita-citakannya.

Kemudian diumpamakan keazaman itu dengan kuda yang baik yang mengatasi pucuk api. Yang dimaksudkan yang demikian adalah untuk menggalakkan supaya tinggi keazaman dan tidak bergantung kepada kemalasan.

[الحمية] Maruah diri

Tidak diperolehi kemuliaan kecuali apabila maruah diri mengajaknya iaitu membawa kebaikannya dengan bersungguh-sungguh dan bersedia berjuang.

[الحفيظة] Maruah diri atau kemarahan

[هاجت] Memberontak

Jika kemarahannya memberontak maka setiap yang sukar itu menjadi mudah ditempuhinya dan ia tidak mempedulikannya dan tiada rundingan ketika itu kecuali pedangnya yang tajam. Ini kiasan kepada keberanian dan kuat keazamannya.

[ينهل] Gugur

[الصارم] Pedang yang tajam

[الحتف] Kematian

[صال] Mengamuk terhadap musuh

Pedangnya yang tajam menghempaskan kematian kepada musuh-musuhnya apabila menyerang mereka

Tutur katanya adalah sihir yang halal apabila ia marah

Penyair menggambarkan seseorang demgan sifat berani, pahlawan, petah berkata-kata dan pandai beretorik.

(أ) الشعر

محمود سامي البارودي : في النصيحة

من صاحب العجز لم يظفر بما طلبا ***
لا يدرك المجد إلا من إذا هتفت ***
فاركب من العزم طرفا يسبق الشهبأ ***
به الحمية هز الرمح وانتصبا ***
ولا يشاور غير السيف إن غضبا ***
سحرا حلالا إذغ ما صال أو خطبا ***
ينهل صارمه حتفا ومنطقه ***

الشاعر:

ولد سنة ١٢٥٦ هـ وتعلم بالمدرسة الحربية وترقى في مناسب الجيش حتى عين ناظرا للنظار قبل الثورة العربية ونفي بعدها إلى سرنديب (سريلانكا) ثم عاد إلى مصر وبها مات سنة ١٣٣٥ هـ وشعره يقارب في جزالته وقوته شعر الفحول السابقين

المفردات:

الطرف : الفرس الكريم

الشهب : جمع شهاب، وهو شعلة من نار ساطعة.

يقول : إن من ركن إلى العجز لم يظفر بشيء من أمانيه، ثم يشبه العزم بالجواد الكريم الذي يسبق الشهب. يريد بذلك أن يحث على بعد الهمة وعدم الركون إلى الكسل.

الحمية : الإباء والأنفة

يقول : لا يدرك الشرف إلا من إذا دعاه داعى الإباء والخفاظ أي حاملا صلاحه مشمرا مستعدا للنضال.

الحفيظة : الحمية أو الغضب، وأحفظه : أغضبه

هاجت : ثارت، يقول : إن ثار غضبه فكل صعب يسير سهلا امامه يقتحمه ولا يبالي بهولا يشاور في هذه الحال غير سيفه البتار، كناية عن جرأته وقوة عزيمته.

ينهل : يسقط

الصارم : السيف القاطع

الحتف : الموت

صال : سطا على الأعداء

يقول : إن سيفه القاطع يسقط بالموت على أعدائه إذا كر عليهم وإن منطقة سحر حلال إذا غضب يصفه بالشجاعة والفروسية والفصاحة والبيان

Syair Muallaqat Umru al Qias

Aku keluar di waktu pagi sedangkan burung masih berada di sarangnya # bersama kuda berbulu pendek yang dan laju dan besar.

Kuda it uterus berlari berterbangan mara ke depan tanpa undur # seumpama batu besar yang keras yang dibawa arus deras dari tempat tinggi.

Bulunya yang lebat berwarna kemerahan jatuh dari pelana tempat duduknya # seumpama jatuhnya batu yang licin dijatuhkan oleh hujan ke lembah curan.

Kuda yang bergerak pantas kurus kering itu seolah-olah kelajuannya hanya boleh dikalahkan oleh kilat/petir #
Apabila ia bergerak kepanasannya seperti periuk yang menggelegak.

Biodata penyair:

Namanya Umru Qais bin hajar Kindi, penyair jahiliah yang paling ternama . dia antara empat tokoh penyair terkenal di zaman dahulu. Beliau hidup 80 tahun sebelum kedatangan Islam dan mempunyai antologi syair yang dihuraikan.

Perkataan Sinonim:

[أغتندي] Aku keluar di waktu pagi

[الوكنات] Sarang burung

[المنجرد] Berbulu pendek

[الاوابد] Binatang buas (maksudnya: kudanya pantas berlari untuk memburu seumpama kelajuan itu sebatu dengannya kerana tidak mungkin sifat tersebut hilang daripadanya)

[الهيكل] Besar

Erti bait pertama:

Aku keluar di waktu pagi bersama kudaku yang berlari kencang ketika itu burung masih berada di sarangnya.

[مكر مفر] Berulang alik (maksudnya : beliau menggambarkan lariannya itu dalam bentuk perbandingan).

[الجلمود] Batu besar yang keras

Erti bait kedua:

Kuda ini mengikut kehendak tuannya berlari pantas ke hadapan dan ke belakang. Sifat-sifat ini terhasil dengan kekuatan kepantasan lariannya yang tidak dapat dipisahkan antara satu pergerakan dengan pergerakannya yang lain.

من معلقة امرئ القيس

وقد أغتندي والطير في وكناتها *** بمنجرد قيد الأوابد هيكل
مكر مر مقبل مدبرمعا *** كجلمود صخر حطة السيل من عل
كमित يزل اللبد عن حال منته *** كما زلت الصفواء بالمتنزل
على الذبل جياش كان اهتزاه *** إذا جاش فيه حميه غلي مرجل

الشاعر:

هو امرؤ القيس بن الحجر الكندي أشهر شعراء الجاعلية وأحد الأربعة المقدمين على غيرهم من شعرائها وكان يعيش قبل الإسلام بنحو ثمانين سنة وله ديوان شعر مشروح.

المفردات:

(١) أغتندي: أخرج وقت الغدوة. والوكنات جمع وكنة بضم الواو: عش الطائر, والمنجرد: قصير الشعر. الاوابد: الوحوش وقيد الأوابد معناه أن فرسه لسرعة درাকে للضيد صار كالقيد لها لأنها لا يمكنها الفوت منه, الهيكل : الضخم وجمعه هياكل

(٢) مكر مفر على وزن مفعول وهذا الوزن يتضمن مبالغة كقولهم فلان مسعر حرب يريد أن يصفه بالكر والفر على سبيل المبالغة والجلمود: الحجر العظيم الصلب.

يقول: ان هذا الفرس على ما يريد منه فارسه كرا وفرا وإقبالا وادبارا وإن تلك الأوصاف تحصل منه بقوته بسرعة حركاته لا يكاد يفصل بين حركة وحركة, وهذا هو السر في قوله "معا"

[الكمية] Terlalu merah

[يزل] Terjatuh

[الحال] Tempat duduk penunggang di belakang kuda

[المتن] Belakang

[الصفواء] Batu licin

[المتنزل] Hujan

Erti bait ketiga:

Penunggang kuda ini kerana daging kuda ini yang pejal, lembut tulang belakangnya, bulu-bulu pendeknya jatuh di atas belakangnya seumpama hujan menjatuhkan batu licin ke bawah.

[الزبل] Kurus kering

[الجياش] Yang pantas berlari seperti bergoncang periuk yang bergelegak

[اهتزامه] Caranya yang diumpamakan kepantasan kilat

[حميه] Bergelegak dan bertambah panas

[المرجل] Periuk besar

Erti bait keempat:

Kuda ini yang kurus kering namun masih cergas seolah-olah ia berlari se pantas kilat seperti periuk yang menggelegak.

(٣) الكمية: الشديده الحمرة، ويزل : ينزلق. والحال: مقعد الفارس من ظهر الفرس.

والمتن: الظهر، والصفواء : الصخرة الملساء، المتنزل: المطر.

يقول: إن هذا الفارس لا كتناز لحمه وملاسة صلبه يزل لبده عن متنه. كما يزل المطر الصخرة الملساء ويدفعها إلى اسفل.

(٤) الزبل: الضمور، والجياش: الذي يجيش في عدوه كما تجيش القدر في غليانها،

اهتزامه: سبيله الذي يشبه هزمه الرعد، وحميه: غليه وارتفاع حرارته، والمرجل: القدر الكبير.

والمعنى: أن هذا الفرس على ضموره متوقد النشاط كأنه في استرسال عدوه وهزيم جوفه , قدر تغلي وتجيش.

PROSA SASTERA

Surat Ali bin Abu Talib kepada pegawai-pegawai yang mengkritiknya

Dengan nama Allah yang maha pemurah lagi maha penyayang

Aku berkongsi dengan kamu dalam amanah aku ini, aku jadikan kamu sebagai pakaianku, tidak ada seorangpun di kalangan keluargaku yang aku lebih aku percayai daripada kamu bagiku untuk memudahkan dan membantu aku serta melaksanakan amanah kepadaku.

Setelah kamu melihat masa telah genting bagi sepupu kamu ini dan musuh mula mengganas, amanah rakyat telah diabaikan, umat ini telah tidak siuman, maka kamu balikkan belakang perisai pada sepupu kamu ini. Kamu memisahkannya bersama golongan pemisah. Kamu tinggalkannya bersama orang-orang yang tidak diberi pertolongan. Kamu khianatnya bersama pengkhianat-pengkhianat. Kepada sepupu kamu itu, kamu minta tolong tetapi amanahnya kamu tidak tunaikan seolah-olah kamu tidak inginkan Allah dalam perjuangan kamu, juga seolah-olah kamu tidak mengikut petunjuk dari tuhan kamu, dan juga seolah-olah kamu menipu umat ini dengan merampas hartanya.

Setelah kamu dapat mengkhianati umat ini kamu mengulanginya kembali dengan begitu pantas seumpama satu lompatan. Kamu mengambil apa yang kamu dapat dari harta mereka yang disimpan untuk balu-balu mereka, anak-anak yatim. Kamu mengambilnya seperti serigala yang sering melakukan kejahatan, menumpahkan darah kambing yang dipatah-patahkan. Kamu membawanya ke Hijaz dengan hati yang gembira tanpa rasa bersalah mengambilnya, seolah-olah kamu – tidak ada bapa selain kamu – pindahkan kepada keluarga kamu harta pusaka dari ibu bapa kamu.

Maha suci Allah, tidakkah kamu beriman dengan hari pembalasan? Atau tidakkah kamu takut perbicaraan di hari perhitungan?. Wahai kamu semua (golongan yang mengkhianati amanah Negara), kami masih mempunyai orang-orang yang ada akal budi

Biodata penulis:

Amirul mukminin Imam Ali bin Abu Tolib pahlawan yang berani, fasih berkata-kata, petah beretorik, ketua dalam ilmu agama, fatwa. Guru sifat wara' dan takwa. Orang yang awal memeluk Islam seumpama matahari yang terbit bercahaya.

(ب) النشر

١ - من كتاب لعلي بن أبي طالب إلى بعض عماله يلومه

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

أما بعد، فإني كنت أشركتُك في أمانتي وجعلتُك شعاري وبطانتي، ولم يكن رجل من أهلي أوثق منك في نفسي لمواساتي ومؤازرتي واداء الأمانة إليّ.

فلما رايت الزمان على ابن عمك قد كلب والعدو قد حرب، وأمانة الناس قد خزيت، وهذه الأمة قد فنكت وشغرت قلبت لابن عمك ظهر المجن ففارقته مع الفارقين، وخذلتته مع الخاذلين، وخنته مع الخائنين فلابن عمك آسيت، ولا الأمانة أديت، وكأنك لم تكن الله تريد بجهادك، وكأنك لم تكن على بينة من ربك، وكأنك إنما كنت تكيد هذه الأمة عن دنياهم، وتدوى غرتهم عن فيئهم،

فلما أمكنتك الشدة في خيانة الأمة، أسرعت الكرة وعجلت الوثبة، واختطفت ما قدرت عليه من أموالهم المصونة لأراملهم وأيتامهم واختطفت اختطاف الذئب الأزل، دامية المعزى الكسيرة، فحملته غلى الحجاز رحيب الصدر بحمله، غير متأثم من أخذه، كأنك – لا أبا لغيرك – حدرت إلى أهلك تراثا من أبيك وامك،

فسبحان الله، أما تؤمن بالمعاد؟ أو تخاف نقاش الحساب، أيها المعدود كان عندنا

من ذوي اللباب ...

تعريف الكاتب:

هو أمير المؤمنين الإمام علي بن أبي طالب الفارس الشجاع الفصيح اللسان القوي وسابقته

في الإسلام كالشمس إشراقا، قتل سنة ٤٠ هـ

Perkataan sinonim:

[أشركتك في أمانتي] Aku menjadikan kamu sebagai rakan kongsi dalam mengurus pekerjaan ini yang diamanahkan Allah untuk mengurus umat ini. Kerana itulah khilafah (pemerintahan) itu adalah satu amanah.

[الشعار] Pakaian yang menutupi tubuh,

[بطانة الثوب] Sesuatu yang menutupi belakangnya, beliau maksudkan ialah aku jadikan kamu ini sebagai teman rapatku.

[مؤازرتي] Membantuku

[كلب الزمان] Masa yang begitu sukar

[حرب العدو] Memuncak peperangan

[خزيت أمانة الناس] Kamu cuaikan (amanah)

[شغرت الأمة] Tiada kebaikan

[فنكت] Aku menjadi tidak siuman

[آسيت] Perisai

Membantu

[تكيد هذه الأمة] Memperdayakan mereka

[غرثم] Menipu mereka, maksudnya : kamu menipu umat ini untuk mengambil hak-hak dan hartanya.

Ketika kamu dapat mengkhianati umat ini dan menguasainya. Kamu ulang kembali perbuatan tersebut dengan sekali lompat.

[الأرمل] orang yang memerlukan. [الأرملة] perempuan yang kematian suaminya.

[الذئب الأزل] Ringan peha dan ini menjadikannya pantas berlari dan melompat. Sekiranya sama pencuri kambing biri-biri yang luka dan patah maka serigala lebih mampu untuk memculikinya.

[حدرت] Kamu pindahkan

[تراثا] Harta pusaka

[من ذوي الألباب] Orang-orang berakal

المفردات :

أشركتك في أمانتي : جعلتك شريكا فيما قمت فيه من الأمر وائتمن الله عليه من سياسة الأمة وقد سمي الخلافة أمانة.

الشعار : ما ولى الجسد من الثياب،

بطانة الثوب: ما قابل ظهارته. يريد جعلتك من خاصيتي.

مؤازرتي : معاونتي

كلب الزمان : اشتد

حرب العدو : استأسد

خزيت أمانة الناس : ذلت وهانت

شغرت الأمة : خلت من الخير

فنكت : مجنت

يقال : قلب فلان وفلان ظهر المجن إذا كان معه فصار عليه والمجن الترس.

آسيت : واسيت

تكيد هذه الأمة : تمكر بها

غرثم : خداعهم، والمراد : أنك خدعت الأمة لتصرفها عن حقوقها وفيئها.

يقول : إنك حينما تمكنت من خيانة الأمة حملت عليها وكررت وتعجلت للوثوب.

الأرامل : جمع أرمل أو أرملة، والأرمل : المحتاج، والأرملة التي مات زوجها.

الذئب الأزل : الخفيف الوركين، وذلك يجعله أشد عدوا وأسرع وثبا، وإن اتفق أن يكون

المختطف شاة من المغزى دامية كسيرة كان الذئب على اختطافها أقدر.

حدرت : نقلت

تراثا : ميراثا

من ذوي الألباب : من أصحاب العقول.

CIRI-CIRI PEMIMPIN YANG ADIL Al Hasan Al Basri

Setelah Umar bin Abdul Aziz dilantik menjadi khalifah, beliau menulis surat kepada Hasan Basri supaya mencatatkan kepadanya sifat pemimpin yang adil, lalu Hasan menulis kepadanya:

Wahai Amirul Mukminin, ketahuilah bahawa Allah menjadikan pemimpin yang adil itu sebagai tiang bagi setiap yang condong (dari kebenaran), adil bagi setiap yang zalim. Kebaikan bagi setiap yang buruk, kekuatan bagi setiap yang lemah. Keadilannya bagi setiap yang teraniaya.

Wahai Amirul Mukminin, Pemimpin yang adil itu seperti penggembala yang mengambil berat dan belas kasihan kepada untanya, ia mencari untuk ternakannya padang ragut yang paling baik dan menjauhkannya dari tempat kebinasaan, mengawalinya dari binatang buas, melindunginya dari kesulitan panas dan sejuk.

Wahai Amirul Mukminin, pemimpin yang adil itu seumpama bapa yang penyayang terhadap anaknya, menjaga mereka diusia kecil, mengajar mereka ketika mula membesar, mencari rezeki untuk keperluan hidup mereka dan menyimpan bekalan untuk mereka selepas kematiannya.

Wahai Amirul Mukminin, pemimpin yang adil itu seperti ibu yang mengambil berat, baik dan belas kasihan terhadap anaknya. Ia mengandungnya dalam keadaan yang sukar, mengasuhnya ketika kecil, berjaga malam keranannya, merasa tenang apabila anaknya tenang, ia menyusukannya kemudian berhenti menyusukannya. Ia gembira dengan anaknya sihat dan sedih apabila anaknya sakit.

Wahai Amirul Mukminin, pemimpin yang adil itu menjaga anak-anak yatim dan orang-orang miskin, mendidik yang kecil dan menanggung sara hidup mereka ketika usia tua.

Wahai Amirul Mukminin, pemimpin yang adil itu seperti hati di antara anggota tubuh, semua anggota itu akan baik dengan baiknya hati itu dan akan jahat dengan jahatnya hati itu.

Wahai Amirul Mukminin, pemimpin yang adil itu adalah orang yang berada di antara Allah dan para hambaNya. Ia mendengar kalam Allah dan memperdengarkannya kepada mereka, ia melihat Allah dan melihat mereka, ia mentaati Allah dan memimpin mereka.

Wahai Amirul Mukminin, janganlah kamu jadi dalam perkara yang diberikan Allah s.w.t itu seperti seorang hamba yang diberi amanah oleh tuannya dan memintahnya menjaga harta dan keluarganya lalu ia memboroskan harta itu dan menyisihkan keluarganya. Ia memiskinkan keluarganya dan menghabiskan hartanya.

٢- الحسن البصري : في صفة الإمام العادل

كتب عمر بن عبد العزيز رضي الله عنه لما ولي الخلافة إلى الحسن البصري أن يكتب إليه بصفة الإمام العادل، فكتب إليه الحسن :

اعلم يا أمير المؤمنين أن الله جعل الإمام العادل قوام كل مائل وقصد كل جائر، وصلاح كل فاسد، وقوة كل ضعيف، ونصفه كل ملهوف.

والإمام العادل يا أمير المؤمنين كالراعي الشفيق على إبله، الرفيق بما الذي يرتاد لها أطيب المرعى ويدودها عن مراتع الهلكة، ويحميها من السباع، ويكنها من أذى الحر والقر. والإمام العادل يا أمير المؤمنين كالأب الحاني على ولده، يسعى لهم صغاراً، ويعلمهم كباراً، يكتسب لهم في حياته ويدخر لهم بعد مماته.

والإمام العادل يا أمير المؤمنين كالأم الشفيقة البرة الرفيقة بولدها، حملته كرها، وربته طفلاً، تسهر بسهره، وتسكن بسكونه، ترضعه تارة وتقطمه أخرى، وتفرح بعافيته وتغتم بشكايته.

والإمام العادل يا أمير المؤمنين وصي اليتامى وخازن المساكين يربي صغيرهم ويمون كبيرهم. والإمام العادل يا أمير المؤمنين كالقلب بين الجوارح، تصلح الجوارح بصلاحيه، وتفسد بفساده.

والإمام العادل يا أمير المؤمنين هو القائم بين الله وبين عباده يسمع كلام الله ويسمعهم وينظر إلى الله ويربهم، وينقاد إلى الله ويقودهم فلا تكن يا أمير المؤمنين فيما ملكك الله عزوجل كعبد ائتمنه سيده واستحفظه ماله وعياله فبدد المال، وشرد العيال، فأفقر أهله وفرق ماله.

Biodata penulis:

Beliau ialah Abu Said bin Yasar, iaitu maula Zaid bin Thabit Ansori. Hasan adalah antara pemimpin di kalangan tabiin, seorang yang mahir berbahasa Arab, berilmu, kuat ibadat dan wara'. Beliau meninggal dunia di Basrah (Iraq) pada tahun 110 H.

Kata sinonim:

[قوام الأمر] Peraturan, tiang dan unsure yang asas sesuatu perkara.

[القصد] Betul atau berada di jalan yang lurus

[الجائز] Yang menyeleweng, maksudnya menyelewenga dari jalan yang betul

[مفرع كل ملهوف] Tempat berlindung bagi setiap orang yang dizalimi dan tertekan

[يرتاد] Meminta/mencari

[يزودها عن مرتع الهلاك] Menjauhkannya dari tempat kebinasaan

[يكنها] Menutupnya

[القر] Sejuk.

تعريف الكاتب :

هو أبو سعيد بن يسار مولى زيد بن ثابت الأنصاري، وكان الحسن من سادات التابعين وكبرائهم، وكان نسيح وحده في الفصاحة والعلم والعبادة والورع، توفي بالبصرة سنة ١١٠ هـ

المفردات :

قوام الأمر : نظامه وعماده وملاكه الذي يقوم به.

القصد : الاعتدال، يقال: فلان على القصد أي إنه معتدل أو على طريق الرشاد

الجائز: المائل، يقال : جار فلان عن القصد أي مال عن الطريق السوي.

مفرع كل ملهوف : ملجأ كل مظلوم مضطر

يرتاد : يطلب

يزودها عن مرتع الهلاك : يجنبها مواضع الهلاك

يكنها : يسترها

القر : البرد